

Penduduk rayu pihak berkuasa ambil tindakan segera

Longkang tersumbat punca banjir

Oleh MANIRAH OTHMAN

JASIN – Penduduk di Taman Pulau Permai, Merlimau di sini meminta pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan segera dengan menyelenggara longkang di taman mereka bagi mengelak penduduk terus menjadi mangsa banjir.

Wakil penduduk, Razak Mohamad, 38 memberitahu, pihaknya telah beberapa kali berbincang dengan pihak yang berkenaan, namun sehingga kini tidak ada penyelesaian yang dilakukan sehingga memaksa penduduk terus menghadapi masalah banjir berkali-kali.

“Sejak kami mula menghuni kawasan ini kira-kira



SHUKOR menunjukkan longkang yang tersumbat menyebabkan banjir di Taman Pulau Permai, Jasin semalam.

empat tahun lalu, kami telah mengalami masalah ini beberapa kali dan penduduk terpaksa menanggung kerugian yang besar setiap kali banjir,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Jelasnya, pihaknya telah

berbincang dengan pihak yang berkenaan selepas banjir melanda kawasan tersebut sebanyak dua kali tahun lalu tetapi sehingga kini tiada pihak yang tampil menyelesaikan masalah ini.

“Hari ini (semalam) kami

sekali lagi dilanda banjir dan kali ini lebih teruk kerana air naik sehingga paras satu meter kira-kira pukul 10 pagi,” katanya.

Menurut seorang penduduk, Mohd. Shukor Chamil, 50, saluran longkang tersumbat kerana penuh dengan sampah sarap menyebabkan air tidak dapat mengalir ke sungai berhampiran dan bertakung di kawasan taman.

“Sejak kami tinggal di sini hanya sekali sahaja penyelenggaraan dibuat iaitu kira-kira tiga tahun lalu.

“Kami sudah penat untuk berdepan dengan masalah ini setiap kali hujan lebat dan berharap agar pihak berkenaan akan dapat mengambil tindakan segera,” katanya.